

## Penemuan Seramik China di Kampung Sungai Mas, Kota Kuala Muda, Kedah

ZULISKANDAR RAMLI, FARHANA ABDULLAH, NIK HASSAN SHUHAIMI  
NIK ABD. RAHMAN & ASYAARI MUHAMAD

### ABSTRAK

*Kegemilangan Sungai Mas sebagai sebuah tapak penting zaman proto-sejarah pada tahun 1979 apabila projek pembinaan tali air di Kampung Sungai Mas, Kota Kuala Muda Kedah telah menemukan pelbagai jenis artifak seperti pecahan seramik perdagangan asing, bahan binaan candi, pelbagai jenis manik dan serpihan kaca yang dipercayai dari Timur Tengah, tembikar tanah dan arca agama. Inskripsi Sungai Mas I yang telah diberi pentarikhkan relatif abad ke 6 atau ke 7 Masihi juga telah ditemui secara tidak sengaja oleh penduduk kampung. Kajian seterusnya dilakukan oleh Jane Allen, dari Amerika Syarikat dengan Jabatan Geografi, Universiti Malaya di mana penyelidikan tersebut adalah berkaitan "Trade transportation and tributaries: exchange, agriculture and settlement distribution in early historic-period Kedah, Malaysia". Beliau telah melaporkan sebanyak 12 buah tapak bersama jumpaan artifak yang terdiri daripada bahan binaan, seramik asing, tembikar tanah, kaca, manik dan batu bersurat di kawasan kampung Sungai Mas. Kajian diteruskan oleh kumpulan arkeologi UKM dan Jabatan Muzium Malaysia mendapati Sungai Mas merupakan tapak tanah bersejarah yang merupakan bandar pelabuhan Kedah purba terawal di Lembah Bujang. Keadaan ini dibuktikan dengan penemuan pelbagai jenis artifak pecahan seramik yang merupakan data yang bernilai tinggi. Di antara bukti penting terhadap kewujudan Sungai Mas sebagai pelabuhan purba ialah penemuan Seramik China dari zaman Dinasti Tang (618-906 A. D.) dan Dinasti Sung (960-1279 A. D.), Yuan (1271-1368 A.D.), Dinasti Ming (1368-1644 A.D.) dan Dinasti Ching (1644-1911 A.D.). Jenis seramik China yang sering dijumpai di Sungai Mas ialah stoneware, celadon, Qing Pai dan porselin. Seramik Timur Tengah abad 8 hingga 9 Masihi, berwarna biru atau hijau dan pecahan kaca (Islamic glass) pelbagai warna juga ditemui. Malahan kajian perbandingan yang dilakukan oleh penyelidik tempatan mendapati bahawa seramik China yang ditemui di Sungai Mas mempunyai banyak persamaan di seluruh Asia Tenggara dalam zaman tersebut. Hal ini mengukuhkan lagi bukti bahawa Sungai Mas merupakan sebuah pelabuhan entrepot yang terpenting di Asia Tenggara suatu ketika dahulu.*

*Kata kunci: Sungai Mas, seramik China, Lembah Bujang, entrepot*

### ABSTRACT

*The glorious era of Sungai Mas as an important proto-historic site began in 1979 when the construction of irrigation projects in Kampung Sungai Mas, Kota Kuala Muda Kedah unearthed various artefacts such as foreign ceramics, building materials, various types of beads and pieces of glass believed to be from the Middle East, potteries and religious sculpture. Based on relative dating, the inscription of Sungai Mas I, have been dated from sixth to seven century A.D. were also discovered by chance by villagers. Studies done by Jane Allen, from United States with the Department of Geography, University of Malaya, where the research is related to "Trade Transportation and tributaries: exchange, agriculture and settlement distribution in early historic-period Kedah, Malaysia." She reported that at least 12 different sites with the discovery of artefacts ranging from building materials, foreign ceramics, potteries, glass, beads and stone inscription in the village of Sungai Mas. The research then continued by the researcher from Department of Museums Malaysia and UKM indicates that Sungai Mas is the earliest port kingdom and historical sites in Bujang Valley. This statement is proved by the discovery of various fractions of ceramic artefacts, which is a high-value data. Among the key evidence against the existence of the Sungai Mas as a port kingdom is the discovery of ancient Chinese ceramics from the Tang Dynasty (618-906 AD) and Sung Dynasty (960-1279 AD), Yuan (1271-1368 AD), Ming Dynasty (1368-1644 AD) and the Ching Dynasty (1644-1911 AD). Stoneware's, celadon's, Qing Pai and porcelain are Chinese ceramic product that were always found in Sungai Mas. Middle East ceramics dated from 8 to 9 century AD, which blue or green in colour, glass fractions (Islamic glass) in various colours were also found. In fact, comparative studies done by local researchers indicated that the Chinese ceramics found in Sungai Mas has much in common throughout Southeast Asia in the period. This reinforces the evidence that the Sungai Mas was once one of the most important entrepôt in South East Asia.*

*Key words: Sungai Mas, Chinese ceramics, Bujang Valley, entrepôt*

### PENGENALAN

Kewujudan Sungai Mas dalam era ketamadunan Lembah Bujang sebagai sebuah pelabuhan entrepot suatu ketika dahulu menjadi isu yang hangat diperkatakan oleh ahli arkeologi dan sarjana di Malaysia. Hal ini kerana kajian mengenai Lembah Bujang sudah merangkumi 160 tahun. Kebanyakan penyelidik menganggap tamadun Lembah Bujang ini lokasinya di sekitar Pengkalan Bujang dan Merbok. Kemudian apabila projek pembinaan tali air pada tahun 1980 telah menemukan inskripsi dan

beribu-ribu artifak akibat daripada projek tersebut maka barulah kajian menyeluruh di Sungai Mas dibuat. Penyelidikan dan ekskavasi di kawasan Sungai Mas selepas itu menunjukkan bahawa Sungai Mas adalah lokasi di mana bermulanya tamadun Lembah Bujang (Nik Hassan Shuhaimi 2008).

Berdasarkan jumpaan-jumpaan penting seperti Inskripsi Sungai Mas, Inskripsi Sungai Mas II, kalam semah dan makara menunjukkan bahawa Sungai Mas telah mempunyai sistem sosial dan budaya masyarakat yang tersusun dan maju sejak abad ke 5 Masihi lagi. Masyarakat di Sungai Mas juga secara perlahan-lahan berjaya menguasai ilmu sains dan teknologi yang mana analisis saintifik telah membuktikan bahawa manik-manik Indo-Pasifik yang dijumpai di Sungai Mas adalah produk tempatan (Zuliskandar & Nik Hassan Shuhaimi 2009). Begitu juga bata yang digunakan untuk membina Candi Sungai Mas yang menggunakan bahan mentah di lembangan Sungai Muda dan hasil buatan tempatan (Zuliskandar et al. 2008). Dipercayai masyarakat tempatan sudah pun berjaya menghasilkan manik Indo-Pasifik dan juga bata dan juga mahir dalam ukiran-ukiran batu seperti jumpaan-jumpaan pelipit gantha atau padma, makara, bendul pintu dan tempayan besar daripada batu granit.

Sungai Mas juga mencapai taraf entrepot pada abad ke 7 Masihi. Kriteria yang digunakan untuk mengiktiraf sesebuah pelabuhan sebagai pelabuhan entrepot ialah kehadiran tinggalan serpihan tembikar dari negeri China, Asia Barat, barang-barang kaca dari Asia Barat, berbagai-bagai jenis manik, logam, damar, dan lain-lain dalam bilangan yang banyak. Jumpaan tembikar perdagangan yang ditemui di Sungai Mas kebanyakannya merupakan tembikar perdagangan yang lebih tua dari Pengkalan Bujang. Serpihan tembikar ini terdiri daripada tembikar China dan Timur Tengah. Tembikar China majoritinya adalah tembikar zaman T'ang dan Song awal. Sementara tembikar Timur Tengah adalah tembikar yang di buat di kawasan Iraq-Iran jenis warna hijau dan jenis warna hijau-kuning yang amat hampir kepada tembikar China jenis "Three Coloured Ware" zaman T'ang. Juga terdapat tembikar zaman T'ang jenis "Samarra White wares". Jumpaan yang hampir sama dilaporkan dijumpai di Pulau Khokau Takuapa di pantai Barat Semenanjung Thailand dan juga di Singapura dan Sumatera (Nik Hassan Shuhaimi 2008).

Selain itu, bentuk muka bumi juga mempengaruhi kehidupan dan aktiviti manusia masa lampau dalam melakukan penempatan dan penghijrahan tempat tinggal. Setiap bahagian daripada muka bumi memiliki sifat yang terjadi akibat daripada pelbagai proses, struktur geomorfologi dan urutan bahan dalam zaman-zaman yang dilaluinya. Hasil daripada proses

geomorfologi dapat dilihat dalam pelbagai bentuk muka bumi dengan ciri-cirinya yang tersendiri seperti dataran pasang surut, permatang pantai, dan lekukan, tetambak semula jadi dan lembah anak sungai. Dari situ penempatan muncul di pesisir pantai di permatang pantai, ataupun di lembah sungai terutamanya di tetambak semula jadi kerana keadaannya yang strategik dari segi kehidupan sosial dan ekonomi, iaitu berdekatan dengan air untuk pengangkutan dan komunikasi, sumber makanan dan keselamatan (Jamaluddin Md. Jahi 2008). Ciri-ciri bentuk muka bumi yang sedemikian dapat dikaitkan dengan kemunculan Sungai Mas sebagai sebuah pelabuhan entrepot suatu ketika dahulu apabila faktor geomorfologi ini dan ciri-cirinya terdapat di Sungai Mas di mana tapak arkeologinya terletak di atas tanah tinggi permatang pantai lama.

Umumnya, tapak purba ini dan hampir semua tapak purba lain di Lembah Bujang terletak di atas mendapan baru dihasilkan pada zaman Holosen. Perubahan turun-naik aras laut semenjak 10,000 tahun dahulu telah meninggalkan kesan dalam bentuk beberapa garis pantai lama, permatang pantai dan teres marin yang terletak beberapa meter di atas aras laut hari ini. Survei topografi tapak di Sungai Mas menunjukkan permatang pantai memiliki cerun yang lebih curam menghala ke barat berbanding dengan yang menghala ke timur (Jamaluddin Md. Jahi 2008).

### PENYELIDIKAN ARKEOLOGI DI KAMPUNG SUNGAI MAS

Tapak Tanah Bersejarah Kampung Sungai Mas (Tapak 32) merupakan salah satu tapak bersejarah yang berfungsi sebagai pelabuhan entreport dan juga sebuah pusat kerajaan awal di Malaysia. Kerajaan terawal di Lembah Bujang sebenarnya bermula di Sungai Mas dan bukannya di Pengkalan Bujang seperti yang dinyatakan oleh sarjana terdahulu seperti Quaritch Wales, I.H.N Evans dan Alastair Lamb. Bacaan topografi tapak ini mencatatkan bacaan yang ada dalam bendungan longitud  $5^{\circ} 35' 15''$  Utara dan latitud  $100^{\circ} 22' 30''$  Timur (Bacaan peta 1C Syit 16 Siri L 7010). Tapak ini terletak di Lot 735. Kampung Sungai Mas, Mukim Kota, Daerah Kuala Muda, Kedah. Jarak tapak ini dari Sungai Petani adalah lebih kurang 20 km, Tikam Batu 8 km dan Pantai Merdeka sejauh 7 km. Perjalanan dari Sungai Petani ke Kampung Sungai Mas mengambil masa lebih kurang 40 minit manakala perjalanan dari Tikam Batu ke Kampung Sungai Mas mengambil masa 15 minit. Bacaan ketinggian dari aras laut di Kampung Sungai Mas adalah 3.7 meter. Tapak ini terletak di dalam

kawasan kampung yang dipecahkan mengikut lot-lot tanah dan berhampiran dengan Sungai Muda di sebelah selatan dan Sungai Terus di sebelah timur.

Penemuan Inskripsi Sungai Mas (Nik Hassan Shuhaimi & Othman Yatim 1992) dan terbongkarnya jumpaan beribu-ribu artifak akibat projek pembinaan tali air telah menarik perhatian pelbagai pihak terutama pengkaji sejarah dan arkeologi. Justeru, mulai tahun 1980 satu usaha bersama dibentuk di antara Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, Kedah yang diketuai oleh Kamaruddin Zakaria dan Nik Hassan Shuhaimi dari Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor untuk menjalankan kaji selidik. Peringkat awalnya, aktiviti tersebut agak terbatas kerana pada waktu yang sama, projek ekskavasi di Candi Bendang Dalam (Tapak 50) dan Candi Matang Pasir (Tapak 31) sedang dilaksanakan oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti. Walau bagaimanapun, dalam tahun 1981 Nik Hassan Shuhaimi telah menjalankan ekskavasi percubaan yang pertama di kawasan tanah lot 567 (Tapak 33) dengan misi penyelidikan berkaitan “*Art, archaeology and the early kingdoms in the Malay Peninsular and Sumatera: 400-1400 A.D.*”.

Sebelum itu, Jane Allen telah menjalankan penyelidikan di sekitar kawasan Kampung Sungai Mas pada tahun 1979 dalam menyiapkan tesis Doktor Falsafah beliau yang bertajuk “*Trade transportation and tributaries: exchange, agriculture and settlement distribution in early historic-period Kedah, Malaysia*”. Beliau telah melaporkan sebanyak 12 buah tapak bersama jumpaan artifak yang terdiri dari bahan binaan, seramik asing, tembikar tanah, kaca, manik dan batu bersurat di kawasan kampung Sungai Mas (Allen 1988).

Dalam tahun yang sama, Leong Sau Heng dari Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur telah menjalankan ekskavasi di kawasan yang sama, akan tetapi hanya untuk latihan amali pelajar arkeologi. Pada tahun 1984, pasukan arkeologi dari Muzium Arkeologi Lembah Bujang, yang diketuai oleh Kamaruddin Zakaria telah menjalankan ekskavasi selektif untuk mengenal pasti potensi tapak tersebut. Pada waktu yang sama penyelidikan dan ekskavasi selektif Candi Bukit Choras (Tapak 1), Mukim Sala, Daerah Yan dijalankan untuk mengkaji perbandingan di antara batu bersurat tapak tersebut dengan Sungai Mas.

Pendedahan terhadap kepentingan arkeologi menerusi media di dalam dan luar negara serta penemuan pelbagai data merupakan faktor pemilihan Sungai Mas di dalam projek “*2nd Intra-ASEAN Archaeological Excavation And Conservation Bujang Valley, Kedah, Malaysia*”, yang berlangsung dari 4-27 Oktober, 1985. Projek ini telah dipimpin oleh

Nik Hassan Shuhaimi dan disertai oleh pakar-pakar dari Brunei Darussalam, Filipina, Malaysia, Singapura, Thailand dan Indonesia. Projek ini telah mengukuhkan lagi bukti-bukti penting yang menyokong kepentingan Sungai Mas sebagai sebuah pelabuhan entrepot dan pusat perkembangan sosio-budaya, serta sains dan teknologi masyarakat tempatan yang dibantu dengan adanya aktiviti perdagangan dengan pedagang asing dari timur dan barat.

Perkembangan penyelidikan selepas tahun 1985 kurang aktif kerana masalah peruntukan kewangan, akan tetapi beberapa siri eksplorasi masih diteruskan oleh ahli-ahli arkeologi, khususnya dari Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, Kedah. Keutamaan difokuskan kepada koridor Sungai Muda, Sungai Simpor, Sungai Terus dan Sungai Merbok. Operasi ini meliputi juga beberapa buah pulau di Selat Melaka iaitu Pulau Sayak, Bidan, Telor, Songsong, Bunting dan Tukun Terendak. Usaha ini mengesahkan Kampong Sireh dan Simpor Tambang sebagai pelabuhan sampingan selain daripada Sungai Mas sebagai pelabuhan pesisiran pantai. Taburan runtuh struktur binaan di Seberang Prai Utara, Pulau Pinang seperti di Guar Kepah, Kota Aur dan Rantau Panjang serta artifak pecahan seramik di pulau-pulau tersebut adalah merupakan data-data yang bernilai tinggi. Dalam jangka waktu yang sama dari tahun 1986 hingga 1991, Muzium Arkeologi Lembah Bujang dengan kerjasama pensyarah dan pelajar dari Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor telah menjalankan projek ekskavasi di Kompleks Percandian Pengkalan Bujang, Mukim Bujang, khususnya di tapak 23. Di kompleks ini terdapat enam buah candi di dalam kawasan seluas 3.5 hektar. Ekskavasi dilaksanakan untuk mendapatkan data berkaitan kepadatan dan kepelbagaian artifak untuk kajian perbandingan dengan Sungai Mas.

Dalam tahun 1990 -1991 telah dilancarkan projek kaji selidik bersama di antara Jabatan Muzium yang diketuai oleh Kamaruddin Zakaria dari Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, Kedah; Dr. Nik Hassan Shuhaimi dari Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia dan Dr. Michel Jacq-Hergoualc'h dari Centre National de la Recherche Scientifique, Paris dan Pusat Penyelidikan Timur Jauh Perancis di Malaysia. Pengumpulan data ini telah mengukuhkan lagi terhadap kepentingan Sungai Mas dalam konteks penyelidikan arkeologi proto-sejarah.

Perkembangan yang menarik ialah Sungai Mas terlepas pandang di dalam aktiviti penyelidikan sama ada di zaman kolonial atau selepasnya. Malahan ketika Quarith-Wales dan isterinya Dorothy Wales memberi perhatian terhadap eksplorasi dan ekskavasi secara selektif di 30 buah

lokasi, Sungai Mas terlepas dari sasaran tersebut. Penyelidikan yang dilaksanakan di kawasan berhampiran mengukuhkan lagi bukti peranannya sebagai pelabuhan entrepot purba, kerana tapak tersebut merupakan komponen Sungai Mas. Di antara tapak-tapak tersebut ialah Candi Bukit Penjara, Candi Bukit Meriam tempat dijumpai Inskripsi Bukit Meriam, Candi Bukit Batu Lintang berhampirannya dijumpai patung Dvarapala yang diperbuat daripada batu granit. Ketiga-tiga bukit ini juga mungkin berfungsi sebagai pos pemerhati atau pengawal terhadap aktiviti di “Teluk Merbok” dan juga di Selat Melaka. Manakala di Sungai Terus dijumpai tali pinggang emas berukir dengan lambang Kala atau Simha Mukha yang beratnya 13.574 kilogram. Dua inskripsi atau batu bersurat Buddhagupta yang menggunakan tulisan Pallava dan bahasa Sanskrit dijumpai di Guar Kepah dan Ceruk Tokun, Bukit Mertajam, Pulau Pinang merupakan di antara sumber yang penting di dalam penyelidikan ini. Beberapa buah tapak lain yang mempunyai hubungan ialah Candi Matang Pasir, Candi Tikam Batu dan taburan tapak di pesisiran Sungai Muda, termasuk sebuah pelabuhan terpencil iaitu Srokam di Pinang Tunggal di mana tapak-tapak ini berdekatan dan mempunyai hubungan dengan tapak di Guar Kepah.

Penyelidikan di Sungai Mas yang telah berjalan selama 31 tahun telah memperkukuhkan lagi hipotesis bahawa Sungai Mas merupakan pelabuhan entrepot purba sejak awal abad Masihi lagi. Kerajaan beraja di Sungai Mas dipercayai mula diasaskan pada abad ke 5/6 Masihi iaitu ketika kerajaan Funan sudah mula mengalami zaman kejatuhan. Ketika kerajaan Funan mulai lemah, kebanyakan kerajaan-kerajaan kecil yang dahulunya di bawah naungan Funan sudah mula mengisytiharkan bebas. Begitu juga dengan kerajaan Kataha yang berada dalam naungan Funan mula membebaskan diri dan menjalankan pentadbirannya sendiri. Tinggalan Candi Sungai Mas (Tapak 32) yang diberi pentarikan pada abad ke 5/6 Masihi berdasarkan jumpaan kalam semah (votive tablet) dan batu bersurat yang berasosiasi dengan halaman candi (Zuliskandar & Nik Hassan Shuhaimi 2009). Berdasarkan imej Buddha yang ada pada kalam semah dan skrip tulisan pallava pada batu bersurat menunjukkan bahawa kedua-dua artifak ini dapat diberikan pentarikan secara relatifnya pada abad ke 5/6 Masihi. Pada masa ini juga, Kataha merupakan pusat penyebaran agama Buddha di Nusantara di samping Jambi dan juga Palembang. Pada masa ini, rumah-rumah ibadat banyak dibina di tebing-tebing Sungai Muda sebagai keperluan untuk memenuhi tuntutan rohani mereka dan pusat pentadbirannya terletak di Sungai Mas. Kajian yang telah dijalankan ke atas bata purba untuk membina candi di Sungai

menggunakan sumber bahan mentah tempatan dan ini menunjukkan penglibatan dan kepandaian masyarakat tempatan dalam menghasilkan bata (Zuliskandar et al. 2008). Sungai Mas juga merupakan salah satu pusat pembuatan manik kaca monokrom atau lebih dikenali sebagai manik Indo-Pasifik di Asia Tenggara (Zuliskandar & Kamaruddin 2008). Proses ini mengukuhkan lagi akulturasi kebudayaan India dan transformasi ilmu masyarakat tempatan kerajaan Kedah Tua.

Walaupun pada abad ke 7 Masihi, Kataha berada di bawah naungan kerajaan Srivijaya, pemerintahan di Kataha masih di kalangan raja Kataha sendiri. Kerajaan Srivijaya pada masa itu menggunakan Kataha dan juga Takuapa, Jambi, Ligor, Chaiya dan Tambralinga untuk mengawal aktiviti perdagangan di Selat Melaka dan di selatan Thai di sebelah Laut China Selatan supaya tidak jatuh ke tangan pihak lain. Kegemilangan kerajaan Kataha seterusnya berterusan sehingga abad ke 11 Masihi dan kemakmuran ini sedikit tergugat apabila Kataha diserang oleh Raja Cola iaitu Rajendra 1. Peristiwa ini diceritakan dalam Inskripsi Tamil Rajendra 1 Cola (1025M) di mana Raja Cola telah bertindak menyerang pelabuhan-pelabuhan di Selat Melaka dan juga di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu (Nilakanta Sastri 1949). Pada tahun 1068, berdasarkan inskripsi Perumber (1069-1070M) di mana atas permintaan Raja Srivijaya, Kedah sekali lagi diserang oleh Raja dari kerajaan Cola bernama Virarajendra. Ini adalah kerana kerajaan Kataha pada ketika itu bangun memberontak menentang kerajaan Srivijaya. Pemberontakan itu gagal dan Kataha diserahkan kepada kerajaan Srivijaya semula. Aktiviti perdagangan diteruskan sehinggalah Melaka muncul sebagai pelabuhan entrepot di selat Melaka mengambil-alih peranan yang dimainkan oleh pelabuhan di Kataha (Kedah).

Perkembangan tamadun di Kataha yang pada awalnya berpusat di Sungai Mas dan kemudian berkembang sehingga ke Pengkalan Bujang sebagai pelabuhan entrepot dan kerajaan yang makmur adalah hasil daripada kebijaksanaan dan kepandaian masyarakat tempatan dalam kegiatan pelayaran dan perdagangan. Aktiviti perdagangan yang dimulakan sejak dari zaman prasejarah telah membawa kepada pertambahan populasi manusia yang pada mulanya diasaskan oleh masyarakat pesisir di Guar Kepah. Pertambahan populasi ini menyebabkan kawasan-kawasan sekitar Lembah Bujang telah diteroka dan diduduki oleh manusia terutama di kawasan muara-muara sungai dan tebing-tebing sungai. Penempatan yang pada mulanya bermula di Sungai Muda kini telah merebak ke Sungai Merbok serta anak sungainya seperti Sungai Bujang, Sungai Merbok Kechil, Sungai Batu, Sungai Terus dan Sungai Petani. Masyarakat yang



ramai dan makmur membolehkan Sungai Mas berkembang menjadi pusat kerajaan awal di Lembah Bujang pada abad ke 5/6 Masihi dan pembukaan entrepot baru di Pengkalan Bujang pada abad ke 9 Masihi.

## JUMPAAN SERAMIK DAN ARTIFAK PENTING LAIN DI KAMPUNG SUNGAI MAS

Dalam konteks penyelidikan dan ekskavasi di Kampung Sungai Mas, Kota Kuala Muda, Kedah, tujuan utama para penyelidik menjalankan kajian adalah untuk mendedahkan secara keseluruhan struktur-struktur candi yang ditemui serta mengenalpasti fungsi candi tersebut sama ada digunakan oleh penganut agama Buddha ataupun Hindu. Selain daripada mengenal-pasti struktur binaan, kajian juga banyak melibatkan penyelidikan terhadap jumpaan seramik asing yang antaranya berasal dari China, Timur Tengah, Thailand, Vietnam dan Eropah. Jumpaan pecahan seramik perdagangan yang paling banyak ditemui ialah seramik daripada negara China dan berdasarkan kajian sebelum ini seramik ini sudah diperdagangkan sejak zaman Dinasti Tang (618-906 A. D.) lagi (Nik Hassan Shuhaimi & Othman Yatim 1992) sehinggalah zaman Dinasti Ming.

Ekskavasi pada tahun 2006 hingga 2007 yang telah dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia di Kampung Sungai Mas iaitu di tapak utama 32A, telah mencapai kedalaman 200cm iaitu di petak c15 dan petak d14 yang mencapai kedalaman 160cm. Tujuan utama petak ini dibuka adalah untuk kajian stratigrafi dan taburan artifak, selain daripada untuk mengesan struktur monumen. Ekskavasi ini telah mendedahkan sepenuhnya struktur monumen yang berbentuk segi empat tepat dan pintu utama berorientasi pada bahagian utara-selatan. Monumen ini diperbuat dengan menggunakan batuan semula jadi seperti batu sabak, batu laterit, batu syal, batu lumpur, batu granit dan batu bata. Dipercayai terdapat dua tahap pembinaan pada struktur bangunan ini berdasarkan kepada struktur yang dipercayai sebagai stupa. Pada tahap awal stupa ini menggunakan batu sabak sebagai bahan binaan utama dan kemudian dinaiktarafkan dengan menggunakan batu bata. Antara artifak penting yang dijumpai adalah Inskripsi Sungai Mas II yang diberi pentarikhkan relatif abad ke 6 atau 7 Masihi (Nasha et al. 2010), makara yang pertama kali dijumpai secara insitu, votive tablet yang berimej Buddha dan tangan Buddha yang diperbuat daripada gangsa. Pentarikhkan relatif yang dibuat terhadap inskripsi tersebut mengesahkan kehadiran seramik China zaman Dinasti Tang yang dijumpai di Kampung Sungai Mas.

Penelitian terhadap artefak terutama serpihan seramik yang berada di dalam petak ekskavasi menunjukkan bahawa serpihan tembikar tanah dan juga serpihan seramik Parsi berada pada setiap lapisan spit yang mana setiap lapisan adalah setebal 10cm. Penelitian penting yang perlu dilakukan ialah terhadap kehadiran serpihan tembikar tanah yang banyak pada lapisan pra-candi yang boleh dilihat pada jumpaan di tapak 32B. Ini menunjukkan bahawa masyarakat pra Hindu-Buddha di Kampung Sungai Mas sudah pun menghasilkan tembikar tanah pada kuantiti yang besar sejak awal abad Masihi lagi. Pentarikhan mutlak yang dilakukan pada lapisan budaya pra-candi menghasilkan tarikh  $1810 \pm 50$  BP (Beta 229409). Pada lapisan budaya pra-candi ini juga ditemui tiang-tiang rumah yang diperbuat daripada batang kayu dan ini menjadi asas kepada wujud penempatan masyarakat prasejarah akhir di Kampung Sungai Mas.

Dalam konteks hubungan perdagangan dengan China, tinggalan-tinggalan serpihan seramik yang dijumpai dalam taburan yang banyak di Kampung Sungai Mas boleh dijadikan bukti. Ekskavasi di Tapak 32 telah mendedahkan taburan porselin zaman Ming, Ching dan Belanda yang berada pada lapisan spit 1 hingga spit 5. Lapisan setebal 50cm ini boleh diklasifikasikan sebagai lapisan zaman sejarah di Kampung Sungai Mas, Kota Kuala Muda, Kedah. Jumpaan taburan seramik zaman Ming, Ching dan Belanda ini amat tinggi di Kampung Sungai Mas berbanding jumpaan di Pengkalan Bujang dan ini menunjukkan kepentingan tapak ini sebagai pelabuhan entrepot utama ketika zaman Kedah Tua. Pecahan-pecahan celadon, Ching Pai dan stoneware zaman Dinasti Sung sudah ditemui pada lapisan pertama iaitu lapisan tanah setebal 50cm yang mengandungi seramik zaman Ming, Ching dan Belanda.

Lapisan kedua iaitu lapisan pada kedalaman 50cm hingga 150cm mewakili zaman proto-sejarah di mana pada waktu ini kegiatan perdagangan berjalan dengan aktif. Banyak ditemui tembikar tanah, seramik dari Timur Tengah, seramik dari China zaman Song (960-1279 A.D).



Foto 1. Beberapa jumpaan seramik China Zaman Ching di Sungai Mas Kedah

## JENIS-JENIS SERAMIK CHINA DI LEMBAH BUJANG KEDAH

Umumnya, seramik China merupakan artifak yang agak banyak ditemui di Lembah Bujang. Hal ini kerana, melalui rekod ekskavasi oleh penyelidik tempatan mendapati hampir keseluruhan tapak yang diekskavasi melalui aktiviti arkeologi di Lembah Bujang menemukan seramik yang berasal dari negara China dan taburan seramik ini didapati terdapat di hampir keseluruhan tapak yang diekskavasi di Lembah Bujang. Namun demikian, pengelasan dan rekod secara sistematik tidak dilakukan secara teratur sebagai rujukan terperinci.

Dalam menjelaskan mengenai ketamadunan Lembah Bujang sebagai sebuah pelabuhan entrepot yang penting bermula dari abad ke 7 Masihi khususnya sebelum kemunculan Melaka di awal abad ke 15, penemuan tembikar sewaktu ekskavasi dilakukan banyak membantu dalam menjelaskan isu pentarikan sesuatu ketamadunan tempat tersebut. Hal ini dibantu dengan penemuan pelbagai jenis artifak seperti tembikar China di sepanjang aktiviti arkeologi dibuat.

Tembikar China merupakan sejenis barangan dagangan yang berharga yang dihidangkan ke merata-rata tempat di Asia Tenggara sejak awal abad Masihi. Permulaan hubungan perdagangan antara rantau Asia Tenggara dan China telah wujud pada zaman dinasti Han Barat (25-220 Masihi). Pada masa itu, teknologi pembuatan tembikar di China sudah mencapai tahap yang maju berbanding dengan negara-negara lain di dunia dan perusahaan seramik secara komersial telah wujud di beberapa wilayah China. Walau bagaimanapun, kebanyakan penghasilan barang tembikar adalah untuk pasaran dalam negeri. Tembikar China pada masa itu jarang dapat didagangkan ke rantau Asia Tenggara, kecuali Vietnam yang lebih berdekatan (Leong Sau Heng 2001).

Tetapi, penemuan ini tidaklah pula boleh dijadikan bahan asas untuk menyatakan yang Lembah Bujang hanya telah wujud di abad 10 Masihi. Walau bagaimanapun, serpihan-serpihan seramik China zaman Dinasti Sung (960-1279 A.D) dan Dinasti Yuan (1280-1365 A.D) yang dijumpai di Pengkalan Bujang sekurang-kurangnya dapat membantu kita dalam sejarah awal tanah air. Berdasarkan kepada banyaknya serpihan-serpihan seramik yang telah dijumpai ini, telah membuktikan bahawa di abad yang ke 10 Masihi Pengkalan Bujang merupakan sebuah pelabuhan yang paling sibuk. Di samping penemuan-penemuan serpihan-serpihan seramik China tersebut telah di temukan juga manik-manik dari India, Timur Tengah dan tempatan serta kaca (glass) dari Timur Tengah.

Kesimpulannya Pengkalan Bujang telah menjadi tempat pertemuan para pedagang bukan sahaja dari Negeri China tetapi juga dari Timur Tengah (Othman Yatim 1980).

Dari segi kronologi, seramik-seramik yang telah dijumpai di Pengkalan Bujang adalah merangkumi zaman Dinasti Sung dan Yuan tetapi dari segi penjenisannya (tipologi) tidak semua jenis-jenis seramik yang telah dikeluarkan di kedua-dua zaman itu dijumpai himpunan serpihan-serpihan seramik yang telah diperolehi melalui kerja-kerja ekskavasi di Pengkalan Bujang sehingga kini (Othman Yatim 1980: 26).

Namun demikian, ekskavasi Dr. Lamb pada tahun 1961 di Pengkalan Bujang di kawasan Muara Sungai Merbok telah memberikan sedikit gambaran yang pertama tentang perdagangan purba itu. Berdasarkan penemuan beliau, terutamanya beribu-ribu serpihan tembikar China zaman Sung, Dr. Lamb telah berpendapat bahawa kawasan Pengkalan Bujang itu merupakan sebuah kawasan purba yang terkemuka di rantau ini dari penghujung abad kesebelas ke penghujung abad keempat belas tahun Masihi (Leong Sau Heng 1980:10).

Ekskavasi seterusnya yang dibuat di kawasan sekitar Lembah Bujang ialah pada 24 hingga 28 hari bulan Disember 1979 di Gua Bukit Penjara, Pantai Merdeka di muara Sungai Merbok. Sejumlah lebih daripada 130 serpihan tembikar dan porselin dijumpai selain daripada alat menangkap ikan serta berbagai-bagai jenis kulit siput dan kerang. Apa yang dapat disahkan setakat ini ialah kawasan ini telah digunakan oleh masyarakat pada zaman di antara abad ke 10 dan 14 berdasarkan kepada tinggalan porselin (Nik Hassan Shuhaimi 1980: 21).

Namun, hasil penemuan arkeologi terkini telah mengubah pandangan dan pendapat di atas apabila tapak arkeologi Sungai Mas ditemui pada tahun 1979 telah membuktikan bahawa era ketamadunan Lembah Bujang bermula di Sungai Mas apabila ribuan artifak ditemui di Sungai Mas termasuklah tembikar dari China. Penemuan ini membuka mata ramai pihak terutamanya penyelidik tempatan mengenai tafsiran awal yang menyatakan bahawa Pengkalan Bujang merupakan pelabuhan entrepot yang terpenting suatu ketika dahulu. Sungai Mas yang terletak di Kota Kuala Muda menjadi sebutan baru kepada penyelidik tempatan mahupun luar negara.

Sebelum ini sarjana Barat termasuk Lamb hanya menumpukan penyelidikan mereka di kawasan Pengkalan Bujang dan Merbok. Penemuan tapak arkeologi Sungai Mas telah memberikan data terkini di mana kawasan ini diasaskan lebih awal dari kawasan Pengkalan Bujang. Penemuan artifak-artifak di kampung Sungai Mas adalah hampir sama

dengan kawasan Takuapa maka boleh dikatakan bahawa Kalah itu sebenarnya ialah Sungai Mas dan bukannya Takuapa (Nik Hassan Shuhaimi 2008:16).

Minat terhadap arkeologi dalam kawasan Sungai Muda marak semula pada tahun 1979 kerana serpihan seramik, kaca dan manik dijumpai semasa kerja-kerja membina sebatang tali air merentas betul-betul di tengah-tengah sebuah kampung bernama Kampung Sungai Mas. Jumpaan itu amat banyak serta bertaburan di sepanjang kedua-dua belah tebing tali air. Kajian survei arkeologi di daerah itu pada tahun 1980 dilakukan oleh Nik Hassan Shuhaimi, Nik Abdul Rahman dan kakitangan Muzium Negara, hasilnya telah mendedahkan beberapa tinggalan busut rendah daripada batu blok merah (batu lada) yang menjadi asas binaan struktur dalam kampung itu, dan sebanyak enam daripadanya telah pun dilakukan penelitian (Nik Hassan Shuhaimi 2008: 28).

Puncak ketamadunan Sungai Mas sebagai pelabuhan entrepot terbukti dengan penemuan tembikar dari negara China. Sebahagian besar tembikar China ini biasanya dijumpai dalam keadaan pecahan. Walaupun begitu, serpihan tembikar ini masih penting dan merupakan bukti terpenting dalam penyelidikan arkeologi kerana banyak maklumat terhadap kegiatan perdagangan zaman purba dapat diketahui dan dirungkai melalui penemuan tembikar ini.

Implikasi daripada penemuan tapak arkeologi di Sungai Mas ialah kewujudan bukti yang terbaru tentang pola petempatan di Lembah Bujang pada zaman sebelum tahun 1400 Masihi. Apabila dibanding bukti arkeologi dari Pengkalan Bujang dengan Sungai Mas maka satu gambaran baru tentang sejarah Lembah Bujang terpancar. Yang nyata ialah Sungai Mas dan kawasan-kawasan sekitarnya dapat diiktiraf sebagai entrepot berdasarkan kriteria yang dinyatakan oleh Alaistair Lamb. Adalah dipercayai Sungai Mas merupakan sebagai entrepot yang lebih tua daripada Pengkalan Bujang. Berdasarkan kepada bukti serpihan tembikar Asia Barat jenis sassana-Islam dari Iraq/Iran yang berwarna biru Persia serta tembikar China zaman T'ang maka dapatlah dikatakan bahawa Sungai Mas sudah wujud sebagai pelabuhan entrepot pada abad ke-7 (Nik Hassan Shuhaimi 1989: 63).

Sebahagian besar tembikar China yang dijumpai di Lembah Bujang terdiri daripada seramik dari negara China yang dihasilkan sejak zaman Dinasti Tang (618-906 Masihi), Dinasti Lima Dinasti (907-960 Masihi), Dinasti Song (960-1279 Masihi), Dinasti Ming (1368-1644 Masihi) dan Dinasti Ch'ing (1644-1912 Masihi) (Asyaari Muhamad 2008:103). Tembikar yang ditemui ini juga terdiri daripada pelbagai jenis, warna dan

corak hiasan. Antaranya ialah tembikar tanah dari China abad 18-19 Masihi, tembikar tanah berglais dari China abad 19 Masihi, tembikar batu China abad 11-19 Masihi, porselin China jenis celadon zaman Song abad 11-13 Masihi, porselin putih zaman Song abad 11-13 Masihi, porselin China zaman Ming abad 15-17 Masihi, dan porselin China zaman Ching abad 18-19 Masihi (Asyaari Muhamad 2008:107).

Di Kampung Sungai Mas, terdapat beberapa serpihan seramik yang berasal dari zaman Dinasti Tang iaitu antara (618-906 Masihi). Penemuan serpihan seramik ini menandakan wujudnya hubungan awal perdagangan antara China dengan Lembah Bujang sejak kurun ke 7 Masihi lagi. Selain dari kampung Sungai Mas, di tapak arkeologi Pengkalan Bujang juga ditemui serpihan ini tetapi dalam jumlah yang sedikit. Antara jenis seramik yang didagangkan pada zaman ini ialah pinggan mangkuk, pasu, dan kendi. Seramik yang terkumpul dapat dibahagikan seperti berikut (Asyaari Muhamad 2008: 187):

- a) Barangan bersepuh keputih-putihan
- b) Barangan seramik porselin putih “jenis Samarra”
- c) Seramik stoneware jenis Yueh
- d) Lima Dinasti (T.M 907-960)
- e) Dinasti Song (T.M 960-1279 dan Dinasti Yuan (T.M 1276-1368)
- f) Jenis seramik batu (stoneware) salutan kelabu kebiru-biruan
- g) Seramik bersepuh biru
- h) Seramik bersepuh putih kebiru-biruan
- i) Tembikar China Zaman Song (960-1126 Masihi)
- j) Celadon Song
- k) Tembikar putih (white ware) Zaman Song
- l) Ching –Pai atau Qing-Bai zaman Song
- m) Martabani Zaman Song abad ke 13 Masihi
- n) Tembikar China Zaman Ming abad 14 -17 Masihi (1368-1644)
- o) Wu-Ts’ai atau ‘Lima Warna’
- p) Porselin Swatow Zaman Ming
- q) Tembikar Zaman Dinasti Ching abad 17-20 Masihi (1644-1912)

Seramik China zaman awal adalah jenis seramik China yang terawal pernah dijumpai iaitu seramik dari Zaman Tang. Hanya sedikit yang dikesan di Malaysia, manakala banyak pernah ditemui di tapak-tapak arkeologi Indonesia (sekitar Borobodur di Jawa dan Bukit Siguntang, Palembang di Sumatera) dan Thai Selatan (di Laem Pho di wilayah Suratthani dan Ko Khoo Khao, Wilayah Phangnga). Jenis-jenis tembikar

Tang ini terdiri daripada tembikar Changsa, tembikar Yue, dan Northern white wares dan tembikar Yue dari Zaman Tang Lewat pernah ditemui di Sungai Mas, kawasan Kuala Muda Kedah (Nik Hassan Shuhaimi & Othman Yatim 1992). Kajian arkeologi telah menunjukkan kawasan ini telah terlibat dalam perdagangan maritim sejak Zaman Tang dan Sungai Mas mungkin adalah sebuah entrepot penting pada masa itu (Leong Sau Heng 2001: 93).

Seramik Zaman Song dan Yuan adalah kumpulan seramik China yang paling besar. Zaman yang terlibat adalah dari pertengahan abad ke 10 hingga pertengahan abad ke 14. Perdagangan maritim Asia telah meningkat ke tahap yang terhebat pada zaman ini, terutamanya sejak Zaman Song Selatan (1128-1279 A.D). Perkembangan ini telah menyebabkan pertumbuhan beberapa jenis pusat perdagangan di Malaysia seperti yang terdapat di Lembah Bujang. Beberapa jenis seramik China yang terdapat di Lembah Bujang disenaraikan pada Jadual 1.

Jadual 1. Jumpaan seramik Zaman Sung dan Yuan

Tapak	Jenis Tembikar	Zaman
Sungai Mas	Northern white wares Changsha ware, buatan Hunan Yue type wares, buatan Northern Zhejiang	Abad ke 9-ke 10
Pengkalan Bujang	Green wares Celedon Longquan, Zhejiang Celedon, buatan Longquan, Zhejiang Celedon, buatan Tong'an & Nan'an, Fujian White wares Ding ware, buatan Hebei Qingbai, buatan Fujian Black wares Timmoku (Jianware), buatan Fujian Brown glazed wares Coarse stonewares-tempayan (storage vessels) Pelbagai saiz, buatan Fujian Brittle ware - kebanyakan bentuk botol Lead glazed green wares Buatan Fujian	Northern Song Southern Song & Yuan Southern Song & Yuan  Southern Song & Yuan Southern Song  Southern Song & Yuan Southern Song & Yuan Southern Song & Yuan

Sumber: Leong Sau Heng 2001



Foto 1. Antara serpihan Qing Pai (Abad 12/13 Masihi) yang dijumpai di Tapak 19




Foto 2. Mangkuk celadon yang dijumpai di Tapak 23




Foto 3. Cembul Qing Pai yang ditemui di Tapak 23 (Kampung Pengkalan Bujang)






Foto 4. Mangkuk celadon yang dijumpai di Tapak 23

## KESIMPULAN

Penyelidikan mengenai tembikar di Lembah Bujang, Kedah telah membuktikan mengenai peranan yang dimainkan oleh Lembah Bujang terutamanya Sungai Mas sebagai pelabuhan entrepot yang terpenting suatu ketika dahulu. Peranan Lembah Bujang sebagai pelabuhan entrepot telah dibuktikan dengan pelbagai jenis jumpaan artifak yang terdapat di serata dunia terutamanya di seluruh Asia Tenggara. Penemuan ini dikukuhkan lagi apabila Sungai Mas menjadi tapak arkeologi di mana dijumpai ribuan artifak pelbagai jenis terutamanya tembikar dari seluruh dunia dan telah membuka mata ramai pihak untuk terus menyelidiki peranan yang dimainkan oleh Lembah Bujang terutamanya Sungai Mas. Berdasarkan kepada jumpaan artifak yang ditemui di Sungai Mas, diandaikan bahawa Sungai Mas merupakan tapak tertua berbanding Pengkalan Bujang dan kawasan sekitarnya. Hal ini terbukti dengan penemuan tembikar dari China zaman Dinasti Tang (618-906 A.D) dan Dinasti Sung (960-1279 A.D) Seramik asing yang paling banyak dijumpai adalah stoneware, celadon dan porselin. Di samping itu, terdapat seramik dari Asia Barat abad ke-800 A.D-1000 A.D berwarna biru atau hijau dan pecahan kaca (Islamic glass) pelbagai warna.

Sejarah telah membuktikan bahawa tembikar-tembikar ini telah wujud sejak sekian lama dan bertapak di Sungai Mas. Tembikar merupakan tinggalan berzaman yang telah wujud sejak zaman awal wujudnya manusia, iaitu bagi memenuhi keperluan mereka sendiri dalam kehidupan mereka sehari-hari. Secara tidak langsung ini menjadikan tembikar sebagai barangan yang bernilai tinggi dalam mentafsir sejarah dan ideologi sesuatu

tempat. Tembikar China terutamanya adalah tembikar yang bermutu tinggi dan ia amat diminati oleh hampir seluruh masyarakat di dunia. Kewujudan tembikar China di Lembah Bujang menjadikan Lembah Bujang sebagai kawasan tumpuan oleh pedagang dari serata dunia.

Kewujudan tembikar China di Lembah Bujang kebanyakannya di temui dalam bentuk taburan dan dalam keadaan serpihan. Kebanyakannya dijumpai sewaktu kerja-kerja ekskavasi arkeologi dilakukan. Keadaan ini menjadikan banyak tafsiran baru mengenai sejarah dapat dibuat berdasarkan kajian tinggalan-tinggalan tembikar China. Berdasarkan analisis stylistik terhadap jumpaan-jumpaan itu kronologi tapak dapat ditafsirkan. Daripada perbincangan di atas adalah jelas bahawa jumpaan pelbagai jenis tembikar China di tapak-tapak arkeologi Lembah Bujang merupakan bukti jelas yang menunjukkan bahawa perdagangan maritim di kawasan itu telah wujud sejak abad ke 5 Masihi lagi.

#### RUJUKAN

- Allen, J. 1988. Trade, transportation, and tributaries: Exchange, agriculture, and settlement distribution in early historic-period Kedah, Malaysia. Ph.D. dissertation, University of Hawai'i, Manoa.
- Asyaari Muhamad. 2008. Seramik perdagangan di Lembah Bujang. Dlm. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (pnyt). *Lembah Bujang dari perspektif arkeologi dan pelancongan*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 174-218.
- Jamaluddin Md. Jahi. 2008. Pengaruh persekitaran fizikal terhadap petempatan dan tapak arkeologi Lembah Bujang dan sekitarnya. *Prosiding seminar pembangunan warisan kerajaan Lembah Bujang*. Hlm 60.
- Leong Sau Heng. 1980. Lembah Bujang. Dlm. *Lembah Bujang*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia. Hlm 5-10.
- Leong Sau Heng. 2001. Tembikar China dari tapak-tapak arkeologi Malaysia. Dlm. Mohd Shahrin Senik & Mohd Zainudin Abdullah (pnyt.). *Tembikar dari warisan ke wawasan*. Lembaga Muzium Selangor. Hlm. 84-98.
- Nasha Rodziadi Khaw, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Nazarudin Zainun & Mohd Mokhtar Saidin. Prasasti Sungai Mas II: Satu tinjauan paleografi. *Prosiding Seminar Kebangsaan Penanda Arasan Penyelidikan Arkeologi di UKM*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu. Hlm. 215-226.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 1980. Sejarah penyelidikan arkeologi di Kedah dan Seberang Prai. Dlm. *Lembah Bujang*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia. Hlm 18-21.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 1989. Entrepot pra Melaka: Pulau Ko Kho, Takuapa, Thailand dan Sungai Mas (Kuala Muda), Lembah Bujang, Kedah. *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia* 17: 58-68.

- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (pnyt.). 2008. *Lembah Bujang dari perspektif arkeologi dan pelancongan*. Bangi: Institut Alam Dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman & Othman Mohd. Yatim. 1992. *Warisan Lembah Bujang*. Kuala Lumpur: Ikatan Ahli-ahli Arkeologi Malaysia & Jabatan Muzium dan Antikuiti.
- Othman Yatim. 1980. Masalah pentarikhan Lembah Bujang dan keramik-keramik dari Pengkalan Bujang. Dlm. *Lembah Bujang*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia. Hlm 26.
- Zuliskandar Ramli & Kamaruddin Zakaria. 2008. Kajian komposisi manik dan bahan manik Indo-Pasifik yang ditemui di Kampung Sungai Mas (Tapak 32), Kota Kuala Muda, Kedah. Dlm. Abdullah Zakaria & Jazamuddin Baharuddin (pnyt.). *Arkeologi dan Sejarah*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia. Hlm. 95-131.
- Zuliskandar Ramli, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Mohd Zobir Hussein, Asmah Yahaya & Kamaruddin Zakaria. 2008. Kajian komposisi dan fizikal bata purba di Kampung Sungai Mas (Tapak 32). *Jurnal Arkeologi Malaysia* 21: 100-127.
- Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman. 2009. Beads trade in Peninsula Malaysia. Based on archaeological evidences. *European Journal of Social Sciences* 10(4): 585-593.

*Zuliskandar Ramli*

*Pegawai Sains*

*Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.*

*E-mail: ziskandar2109@gmail.com*

*Farhana binti Abdullah*

*Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.*

*Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, Ph.D.*

*Felo Penyelidik Utama*

*Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.*

*E-mail: nahas@ukm.my*

*Asyaari Muhamad, Ph.D.*

*Felo Penyelidik Kanan*

*Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.*

*E-mail: ereymas@ukm.my*